

09/01/2005

Kritik yang membawa hasil positif

By Noor Azam

PERANG MULUT PROJEK SAKIT YANG BERMULA OKTOBER LALU MELARAT HINGGA AKHIR NOVEMBER

AHLI-AHLI Parlimen dan kita semua tahu, meskipun dicabar, tidak mungkin ada menteri kita yang akan meletak jawatan. PM pun kata: "It is not proper for the Barisan MPs to demand or force a Minister to resign." Tetapi cabaran seperti itu pasti membuat barisan menteri kita akan lebih bijaksana apabila memberikan reaksi sama ada di Parlimen atau kepada media.

Cabaran inilah yang menyebabkan teguran enam Ahli Parlimen BN terhadap Datuk Seri Samy Vellu jadi panas dan disambut ghairah oleh rakyat, yang biasanya tidak begitu mempedulikan perbahasan di Parlimen.

Berita dari Parlimen yang tersiar di akhbar dan TV jarang benar yang dapat menarik perhatian. Sebab itu Dewan Tertinggi ini, yang setiap tahun meluluskan dan meminda pelbagai undang-undang yang langsung membabitkan kehidupan rakyat, tidak mendapat perhatian. Kecuali apabila Menteri Kewangan membentangkan bajet.

Sebenarnya perang mulut Ahli Parlimen BN dengan Menteri Kerja Raya bulan Oktober lalu, jika dilihat secara positif, banyak membawa pengajaran kepada yang mahu belajar. Wawancara dan berita susulan yang mengejutkan, melarat hingga ke akhir November, sekali gus nampak mendatangkan hasil yang positif.

Dan ia sekali lagi menjadi bukti betapa penting dan berkesannya peranan akhbar dan TV. Dalam kes ini para wartawan bukan saja telah melaporkan apa yang berlaku, tetapi juga membuat berita susulan - mengadakan wawancara, mencari dan melaporkan pelbagai projek yang sakit - meskipun ini memburukkan imej kerajaan. Rakyat mengucapkan tahniah kepada akhbar dan TV dan kepada PM yang sentiasa sedia mendengar.

Gambaran awal bahawa Samy Vellu agak enggan mengambil tindakan terhadap kontraktor yang membawa masalah, telah berubah. Daripada jawapan yang pada mulanya meragukan, telah jadi tindakan yang positif.

Ketika mengulas isu hospital berkulat di Johor Bahru pada 1 Oktober 04, beliau menegaskan: "Kita tidak boleh menyenaraihitamkan kontraktor secara sembarangan. Jika kita buat begitu, akhirnya tidak akan ada kontraktor yang sanggup mengambil projek pembangunan." Tetapi pada 17 Oktober beliau mengumumkan: "Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai JKR supaya membatalkan kontrak mana-mana kontraktor yang curang."

Tambahnya, "Kami akan batalkan kontrak mereka jika didapati mereka bersalah. Nanti jangan tanya mengapa kontrak mereka ditamatkan."

Jika jawapan seperti ini diberikan lebih awal, perang mulut itu tidak akan terjadi. Rakyat pun merasa lega. Yang patut dihukum telah dihukum atau akan dihukum.

Diharapkan pengumuman untuk mengambil tindakan begini akan benar-benar dilaksanakan dan ada baiknya nama-nama kontraktor itu diumumkan, seperti mahkamah mengumumkan keputusan setiap kes yang dibicarakan. Masalahnya, ungkapan "jika didapati mereka bersalah" itu boleh menimbulkan keraguan dan macam-macam tafsiran. Siapakah yang akan menentukan kontraktor itu bersalah atau tidak?

PERANGSANG INTERNATIONAL JUAL PROJEK KEPADA SYARIKAT RM2.00 KENA DENDA RM80J

KISAH projek sakit ini ikut mendapat reaksi Perdana Menteri: "Ya, saya tidak gembira mendengar banyak aduan, antaranya ada yang sudah rosak.

Tentu ada yang tidak kena. Saya nak dengar daripada Datuk Samy Vellu apa yang sudah berlaku dan selesaikannya."

Maka pada bulan Oktober selepas perang mulut Ahli Parlimen dengan Menteri Kerja Raya, kita dapat menyaksikan pula perang terbuka antara JKR dengan kontraktor: "Errant contractors to be fired, says Samy Vellu" - (NST 18 Oktober). JKR pun menamatkan serta merta kontrak membina Hospital Cameron Highlands. Kontraktornya Mercu Maju Sdn Bhd.

Berikutnya, kontraktor bangunan Matrade - Perangsang International Sdn Bhd - dikenakan denda RM 80 juta - suatu angka yang mengejutkan! Akan tetapi hukuman ini nampaknya belum tentu dibayar, kerana kontraktor berkenaan dikatakan telah merayu kepada Kementerian Kewangan supaya denda itu dibatalkan. Keraguan bertambah, apabila Perangsang International yang ada kaitan dengan Kerajaan Selangor ini telah menjual projek itu kepada syarikat RM2.00. - (NST 23 Oktober).

Fahamlah kita, mengapa Samy Vellu tidak begitu gemar hendak mengambil tindakan terhadap kontraktor. Besar kemungkinan banyak kontraktor yang curang atau gagal menyiapkan projek, 'ada kabel' yang kuat dan telah 'menjual' projek kepada syarikat lain. Syarikat atau kontraktor seperti ini biasanya tiada pengalaman dan kemampuan bekerja dan hendak mudah dan cepat mengira wang. Tun Dr Mahathir sering menyebut kisah ini dan menegaskan inilah salah satu sebab kegagalan DEB. Namun inilah yang terjadi.

Kalau syarikat besar seperti Perangsang International - yang ada kaitan pula dengan Kerajaan Negeri - boleh buat begitu, apalagi orang lain! Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Riwayat projek Matrade dan Perangsang International, adalah contoh yang sungguh-sungguh mengecewakan. Mahu ke mana agenda Melayu?

Kita menyokong Samy Vellu apabila beliau menegaskan: "We do not care if they are linked to somebody. In fact, those who are linked to a State should be more responsible." (Kontrak diberikan tahun 1994 dan sepatutnya siap 1997).

Pada 25 Oktober 2004, Pengarah PKK, Md. Zakaria Basimin pula membuat kenyataan bahawa 96 kontraktor (Bumiputera?) telah disenaraihitamkan. Katanya banyak lagi kontraktor akan dikeluarkan daripada senarai, apabila senarai lengkap projek bermasalah diterima daripada JKR, "termasuklah semua kontraktor yang terlibat dengan projek yang dilaporkan media dalam beberapa minggu ini." Diharapkan Pengarah PKK ini akan 'bikin seperti cakap'. Orang Islam yang beriman tidak boleh bercakap bohong. Pak Lah pun berpesan, jangan membohongi rakyat.

PERANG PROJEK SAKIT DI PARLIMEN MELARAT KE PMC DAN KEMENTERIAN KEWANGAN
PADA bulan November 'perang projek sakit' ini melarat pula kepada PMC. Ia bermula apabila Samy Vellu sekali lagi mengejutkan dengan pengumuman: Sebanyak 16 sekolah dan lima kolej komuniti mengalami kerosakan struktur yang serius. Dan PM terus mengarahkan JKR "mengambil alih bangunan-bangunan ini dan menyediakan laporan yang lengkap." - (NST 3 November 04).

Bagaimana pun pada 8 November akhbar menyiarkan kenyataan Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin, yang mengumumkan: Hanya 12 projek sekolah yang sakit dan beliau tidak langsung menyebut tentang kolej komuniti. Kita pun tak tahu kenyataan menteri mana yang hendak dipegang.

Tegas Samy Vellu: "All sixteenschools and five cummunity colleges, all under PMC, have structural problems and some don't have amenities like access roads. Now we have to find out who is the contractor? Wo is PMC? Who is the consultant engineer?" Dengan kata lain, bukanlah projek-projek di bawah kelolaan JKR saja - seperti jalan dan hospital - yang sakit!

Ada pihak kerajaan dan kontraktor yang membuat analisa mengatakan jumlah projek yang sakit tidak banyak. Hanya empat lima peratus saja. Memanglah dari segi peratusnya sangat kecil. Tetapi kalau 16 atau 12 sekolah yang

sakit, jumlah murid dan wang yang terlibat cukup besar - agak saya tidak kurang daripada setengah bilion ringgit. Belum lagi dihitung masa dan belanja pegawai-pegawai dan belanja tambahan (VO).

Dalam wawancara dengan Mingguan Malaysia 14 November 2004, Datuk Samy Vellu meneruskan `perangnya' - tidak saja terhadap PMC, tetapi juga Kementerian Kewangan. Sepanjang ingatan saya, belum pernah seorang menteri kabinet membuat kenyataan-kenyataan yang tajam-keras seperti itu terhadap kementerian lain, apa lagi selepas Tun Daim, menterinya adalah juga Perdana Menteri Tun Dr Mahathir.

APA INI? YOU TIDAK MAHU TEMBAK PENCURI, TETAPI MAHU TEMBAK POLIS?

KATA Samy Vellu: "Saya tidak menuduh mana-mana Menteri Kewangan. Tetapi orang yang bertanggungjawab itu ialah Ketua Setiausaha kementeriannya. Ketua Setiausaha saja yang memberi arahan dan dia selalu tidak boleh menerima pandangan lain. Dalam satu-satu mesyuarat kalau ada para pegawai dari JKR untuk menjaga kepentingan teknikal, dia selalu malukan mereka. Dan kata, kalau tidak tahu, tutup mulut. Tetapi mengikut undang-undang kita mesti pergi kerana kita adalah agensi teknikal kepada kerajaan."

Beliau menyambung: "Ini bukan kahwin paksa lagi, tetapi kahwin lari! Apabila ada masalah barulah dia datang kepada kita."

Kementerian Kewangan yang melantik PMC dan PMC "hanya bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan." Kesimpulannya, yang bersalah adalah Kementerian Kewangan.

Kata Datuk Samy Vellu lagi, " Apabila mereka menjelaskan apa yang berlaku dalam pemberian kontrak makmal komputer, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan telah marah. Saya kata `Apa ini? You tidak mahu tembak pencuri, tetapi mahu tembak polis? Apa ini? Selepas itu barulah dia diam dan kita dapat meneruskan mesyuarat."

Wawancara 14 November ini mencetuskan pula `perang' antara Datuk Samy Vellu dengan persatuan PMC. Kementerian Kewangan diam saja. Secara kebetulan, nampaknya semua 120 PMC adalah terdiri daripada syarikat pribumi. Persatuan Perunding Pengurusan Projek Bumiputera menolak kenyataan Samy Vellu. Tetapi menteri itu tetap dengan pendiriannya: "Apa yang saya mahu cakap, saya sudah cakap. Saya tidak ada sambungan lagi atau pindaan daripada fikiran saya. Itu saya punya komen. Itu saja."

Samy Vellu menutup wawancara yang sensasi dan kontroversi ini dengan menegaskan: "Sekarang ini sudah tidak ada lagi PMC. Sudah diberhentikan. Sekarang ini semua kerja-kerja diberikan terus kepada JKR."

- (No 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 7 Januari 04).

(END)